

**Sinar Harian, Selangor**

27 Aug 2015, by

Business & Finance, page 18 - 60.00 cm²Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 160,000
(MTWTF)

ID 455808646

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

MSM labur AS\$259 juta

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan melabur sebanyak AS\$259 juta (RM1.09 bilion) bagi pembinaan sebuah kilang penapis gula terbesar Malaysia di Tanjung Langsat, Johor.

Satu perjanjian Pemerolehan Kejuruteraan, Reka Bentuk dan Pembinaan (EPCC) dimeterai semalam antara MSM dan Sharkara International yang juga firma gabungan Thailand, Sutech Engineering Co Ltd, bagi kontrak bernilai AS\$95.7 juta (RM406.10 juta) untuk tempoh dua tahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, kilang penapis di Johor yang juga ketiga di negeri itu, dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2017.

"Sebaik sahaja beroperasi, ia akan menguasai pasaran hadapan dengan sasaran kapasiti pengeluaran sebanyak dua juta tan gula bertapis setahun berbanding 1.1 juta tan setahun ketika ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

MSM menguasai lebih 60 peratus pasaran gula tempatan. - *Bernama*